

MENGOTAKAN IKRAR GURU MALAYSIA



AHMAD ESA

SELAMAT Hari Guru 2017 kepada warga pendidik seluruh Malaysia. Saban tahun Hari Guru disambut walau di mana pun dengan pengisian, guru menyanyikan lagu, *Kami Guru Malaysia* dan melafazkan *Ikrar Guru Malaysia*. Pada tahun ini, sekali lagi, *Guru Pembina Negara Bangsa* menjadi tema sambutan Hari Guru.

Pengulangan tema yang pernah digunakan pada 2009, 2010 dan 2016 itu menyerlahkan betapa pentingnya guru menyempurnakan amanah dan mengurus tanggungjawab untuk membina negara bangsa. Dalam konteks ini, guru saban tahun telah melafazkan komitmen mereka menerusi lagu, *Kami Guru Malaysia* dan *Ikrar Guru Malaysia*.

Lirik puitis dalam lagu guru Malaysia, sentiasa menjadi amalan dalam kalangan guru di Malaysia. Mereka mendidik pelajar masing-masing sama ada dalam kurikulum, kokurikulum mahupun pembangunan sahsiah.

*Kami guru Malaysia,
Berikrar dan berjanji,
Mendidik dan memimpin,
Putera puteri negara kita.*

Kesungguhan mereka dapat dilihat menerusi kelas-kelas tambahan yang diadakan sama ada pada hujung minggu, malam mahupun cuti persekolahan. Hasilnya saban tahun peratus pelajar cemerlang dan lulus dalam peperiksaan lebih ramai daripada yang gagal.

Selain kurikulum, guru Malaysia juga mengotakkan janji memimpin pelajar menerusi penglibatan mereka dalam kegiatan kokurikulum. Umumnya setiap guru di sekolah dipertanggungjawabkan memimpin pembangunan psikomotor, kognitif, emosi, rohani dan sosial pelajar menerusi aktiviti sukan dan permainan, persatuan dan kelab serta unit beruniform.

Tanpa berbelah-bahagi semua guru sentiasa memastikan ba-



SEBAHAGIAN guru Kolej Datuk Patinggi Abang Haji Abdillah melafaz ikrar semasa sambutan Hari Guru 2014 di Kuching, Sarawak. - GAMBAR HIASAN/UTUSAN

hawa negara kekal aman, damai dan sejahtera sebagai lambang kesetiaan mereka. Kestabilan dan kemakmuran negara dicapai apabila guru menerapkan nilai-nilai murni dalam kalangan pelajar semasa proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPC) berlangsung.

Antara nilai yang diterapkan ialah patriotisme, perpaduan, integrasi dan semangat bermasyarakat. Ini semua sangat berkait rapat dengan peranan guru dalam membina negara bangsa. Di samping itu, lirik lagu guru Malaysia, "Rukun negara kita, Panduan hidup kami semua", sejajar dengan Ikrar Guru Malaysia, "Kami mengamalkan prinsip-prinsip Rukun Negara pada setiap masa", berkait rapat dengan membina negara bangsa.

Dalam konteks ini, guru perlu percaya bahawa pelajar adalah pelanggan yang diamanahkan oleh Allah untuk dididik dan dipimpin. Oleh itu walaupun pelajar mengalami kelainan kecerdasan dan fizikal, guru bertanggungjawab untuk mengembangkan potensi mereka.

Prinsip, 'Keluhuran Perlembagaan dan Kedaulatan Undang-Undang' memerlukan guru mengotakannya dalam bentuk mengajar tanpa diskriminasi dan syarat. Ini kerana setiap pelajar mempunyai hak yang sama untuk mendapat peluang belajar secara adil dan saksama tanpa mengira warna ku-

lit, bangsa, agama, tahap sosioekonomi dan sempadan geografi.

'Kesopanan dan Kesusailaan' yang merupakan prinsip kelima Rukun Negara secara tidak langsung juga terkandung dalam lirik dan ikrar guru Malaysia. Justeru, warga pendidik menterjemahkannya dengan cara melayan pelajar dengan penuh berhemah. Walaupun wujud kes guru hilang sabar dalam menghukum pelajar yang melanggar peraturan disiplin namun lebih ramai guru yang mendenda pelajar dalam bentuk dendaan positif dan profesional.

Rangkap ketiga lagu Kami Guru Malaysia, 'Di bidang pembangunan, Kami tetap bersama, Membantu Membina, Negara yang tercinta,' Secara lahiriahnya dalam pembangunan fizikal, lirik disempurnakan apabila ramai guru terlibat dengan kerja pembinaan dan pemulihan fizikal sekolah seperti membaik pulih kerusi meja, mengecat bilik darjah dan membuat garisan di padang.

Secara tersuratnya, sebagaimana bait sajak Sasterawan Negara, Usman Awang;

*Jika hari ini seorang
Perdana Menteri berkuasa,
jika hari ini seorang raja
menaiki takhta,
jika hari ini seorang
presiden sebuah negara,
jika hari ini seorang
ulama yang mulia,*

jika hari ini seorang peguam menang bicara,
jika hari ini seorang pendidik terkemuka,
sejarahnya dimulakan oleh
seorang guru biasa,
dengan lembut sabarnya men-
gajar tulis baca.

Guru Malaysia membantu membina negara tercinta seperti ditutut dalam lirik lagu *Kami Guru Malaysia*. Guru berperanan melahirkan warga Malaysia yang patriotik, patuh kepada budaya, nilai, adap dan norma di Malaysia serta mempunyai jati diri beridentiti Malaysia. Di samping melahirkan masyarakat yang bersatu padu, saling menyayangi, saling menghormati, saling bekerjasama dan mengamalkan amalan demokratik dan liberal berdasarkan perlumbagaan dan Rukun Negara.

Guru juga adalah agen pengekalan tradisi. Sehubungan itu dalam Ikrar Guru Malaysia, terkandung janji, 'Kami akan berbakti, kepada masyarakat dan negara kami.' Janji yang dilafazkan perlu dikotakan. Sebagai agen pengekalan tradisi menjadi amanah guru untuk memastikan bahasa Melayu terus menjadi bahasa ilmu dan perpaduan. Kesegaran alam sekitar yang dinikmati perlu dipelihara untuk diwarisi generasi masa hadapan. Di samping mengekalkan adat resam dan warisan peninggalan nenek moyang untuk rujukan cicit dan piut warga Malaysia mendarat.

Walaupun sebahagian besar lirik dan ikrar guru Malaysia telah dikotakan namun guru perlu sentiasa istiqamah untuk mendepani pelbagai cabaran. Antaranya, kewujudan kongsi gelap di sekolah, kegagalan penguasaan bahasa Melayu dan Sejarah dalam kalangan pelajar, kewujudan media sosial yang menjadi alat fitnah dan adu domba, penyalahgunaan dadah, dan tingkah laku devian pelajar. Namun begitu, sebagai ahli masyarakat dan warga Malaysia marilah kita menaruh keyakinan kepada guru Malaysia untuk menyempurnakan tugas mereka dalam membina negara bangsa. Selamat Hari Guru, Cikgu!

PROF. DR. AHMAD ESA ialah Dekan Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.